

# PM mahu adat resam terus dipertahankan

## Kesibukan kejar kemajuan punca masyarakat lupa nilai murni

Oleh Ahmad Ghazali Musa

**T**EMERLOH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu adat resam dan nilai murni seperti semangat muafakat dan gotong-ro-yong diamalkan sejak sekian lama terus dipertahankan supaya tidak terhakis.

Perdana Menteri berkata, beliau bimbang kesibukan untuk mengejar kemajuan mengakibatkan masyarakat lupa dengan adat resam dan nilai murni yang menjadi pegangan kuat.

"Mereka tak kenal sesama saudara. Sebab itu, kita kena pelihara nilai murni ini yang begitu terserlah apabila kita mahu mengadakan majlis kenduri kendara. Kita ada budaya dan kekuatan agama yang mewujudkan semangat persaudaraan yang kuat.

"Perlu diingat dengan sifat baik dan amalan murni itu menyebabkan orang akan mengenali kita," katanya berucap pada majlis mesra rakyat sempena perundingan pembantu peribadi Perdana Menteri di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Mohd Najib Yusof, 31, dengan Amy Fazlina Abu, 26, kakitangan Kelab Umno Luar Negara, di Sekolah Kebangsaan Bolok, Lanchang, di sini, semalam.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, dan isterinya, Datin Seri Junaini Kassim dan lebih 6,000 tetamu.

Abdullah berkata, sebagai bangsa bermaruah, kita mempunyai budaya dan adat resam serta semangat muafakat yang menjadi pegangan sejak sekian lama yang perlu dipelihara supaya tidak terhakis dan hilang.

"Ciri-ciri murni yang ada pada bangsa kita itu juga membolehkan kita berkongsi kehidupan dengan bangsa lain sehingga mereka menjadi sebahagian daripada penduduk negara ini sekali gus bersama-sama menyumbang kepada kemajuan Ekonomi dan Pembangunan negara.

"Kepelbagaian bangsa dan agama, tidak menjadikan kita berpecah belah dan bergaduh, seperti mana di sesetengah negara yang mengalami ketegangan kaum dan berlaku pergolakan berpanjangan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan prihatin terhadap perkara sensitif membabitkan agama dan mengeng-



SEMOGA BERBAHAGIA: Abdullah menabur bunga rampai kepada pasangan pengantin baru, Mohd Najib dan Amy Fazlina pada majlis mesra rakyat sempena majlis persandingan di Sekolah Kebangsaan Bolok, Lanchang, Temerloh,

*"Kepelbagaian bangsa dan agama, tidak menjadikan kita berpecah belah dan bergaduh"*

Abdullah Ahmad  
Badawi  
Perdana Menteri

dalikan perselisihan serta perbezaan pendapat berhubung isu berkaitan secara bijaksana.

"Semua bangsa mahukan satu kehidupan yang aman dan selamat, hidup berbaik-baik menerusi amalan muafakat. Sebab itu, negara kita terkenal sebagai negara berbilang bangsa dan agama, yang dapat hidup dalam keadaan aman dan selamat atas perasaan dan semangat cintakan negara menjadikan ikatan perpaduan kita kuat," katanya.

Abdullah berkata, rakyat seharusnya bersyukur dengan semangat perpaduan yang terjalin kukuh itu bukan saja berlaku di luar bandar, ma-

lah di kawasan bandar dan suasana sedemikian menyebabkan negara tidak berdepan perpecahan kaum.

"Kita capai semua ini kerana tidak ada satu perkara yang boleh mengahkis perpaduan kita. Malah, semangat perpaduan kaum dan persaudaraan sesama kita terus kita perbaharui dengan amalan murni kunjungan mengunjung dan sentiasa bermuafakat dalam apa juga urusan," katanya.

Beliau meminta rakyat terus berpegang kepada agama dan mengamalkan adat resam dan nilai murni kerana ia menjadi kunci kepada kemajuan dan kejayaan negara.